

TINJAUAN TERHADAP GAYA PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR-  
PELAJAR SEMESTER TIGA TAHUN 2002 DIPLOMA AKAUNTANSI DI  
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN, PAHANG.

RAJA MAHANI BINTI RAJA SULAIMAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

25 SEPTEMBER 2002

*Buat suami tercinta, Mazukipeli bin Mohamad,  
...terima kasih di atas cinta, kasih sayang dan pengorbanan yang sangat bermakna  
buatku*

*Buat putera dan puteri tersayang, Naqiuddin Najmi dan Ainin Sofiya  
...kerana kalian ummi berjuang*

*Buat ayahanda dan bonda yang tercinta,  
...terima kasih di atas dorongan dan kasih sayang ayah bonda yang tak pernah bertepi*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya penulis telah berjaya menghasilkan satu kajian yang bertajuk “Tinjauan Terhadap Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar-pelajar Semester Tiga Tahun 2002 Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang.” Berkat sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Tuan Haji Mohd Salleh Bin Haji Tahar di atas segala bantuan, tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Tidak ketinggalan penghargaan ditujukan kepada pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam proses menjalankan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kecenderungan gaya pembelajaran pelajar-pelajar dalam mengumpul dan menerima maklumat pembelajaran, mengetahui kemampuan pelajar-pelajar dalam menguasai gaya pembelajaran secara pernyataan bertulis berbanding dengan gaya pembelajaran secara pernyataan lisan dan juga untuk mengetahui sama ada mereka lebih gemar mengamalkan kaedah gaya pembelajaran secara bersendirian atau berkumpulan. Keseluruhan pelajar seramai 62 orang merupakan populasi kajian ini. Kajian ini berbentuk deskriptif dan kaedah kajian yang digunakan ialah menggunakan borang soal selidik untuk memperolehi data berkenaan. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 10.0 bagi mendapatkan jumlah peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian telah dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar Diploma Akauntansi telah memperlihatkan kecenderungan tinggi terhadap gaya pembelajaran yang berbentuk 'Angka Tertulis/Pandang' dan juga 'Dengar/Pandang/Kinestetik'. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pelajar-pelajar lebih cenderung terhadap gaya pembelajaran secara bersendirian berbanding dengan gaya pembelajaran secara berkumpulan. Apa yang paling menarik daripada dapatan kajian ini ialah kebanyakan pelajar menunjukkan kecenderungan pada aras yang rendah terhadap gaya pembelajaran yang melibatkan pernyataan dan penghuraian semula secara lisan. Implikasi daripada dapatan di atas dibincangkan dalam Bab V kajian ini.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to identify student's learning style among students in semester three Diploma Accountancy at Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. The objectives are to determine the students' interest towards learning style in the form of collecting and processing the data and to identify individual learning style compared to group learning style. A total of 62 students were selected as population for this research. This is the descriptive research and the research instrument used was a set of questionnaire to collect, process and gathering information. The data was analysed using SPSS software version 10.0 to determine the percentage, mean and standard deviation. The data analysed was presented in charts and tables. The findings showed that the majority of students possessed high interest towards learning style in the form of number written/visual and also visual/hearing/kinesthetic. The findings of this study also showed that Diploma Accountancy students are inclined towards individual learning style compared to group learning style. The most interesting from the findings of this research was that a majority of students were more inclined toward a low level learning style which involve oral statement and description. The implication of the above findings discussed in chapter v of this research.



## KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN PENYELIDIK</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.3.1 Cara Belajar	4
	1.3.2 Saluran Pembelajaran	4

1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Definisi Istilah	8
1.8.1	Gaya Pembelajaran	8
1.8.2	Pelajar Diploma Akauntansi Semester Tiga	9
1.8.3	POLISAS	10
1.9	Definisi Operational	10
1.9.1	Gaya Pembelajaran Bahasa Tertulis/Pandang	10
1.9.2	Gaya Pembelajaran Angka Tertulis/Pandang	10
1.9.3	Gaya Pembelajaran Bahasa Lisan/Dengar	10
1.9.4	Gaya Pembelajaran Angka Lisan/Dengar	11
1.9.5	Gaya Pembelajaran Dengar/Pandang/Kinestetik	11
1.9.6	Gaya Pembelajaran Belajar Bersendirian	11
1.9.7	Gaya Pembelajaran Belajar Berkumpulan	11
1.9.8	Gaya Pembelajaran Pernyataan Tertulis/ Penyampaian Lisan	12
1.9.9	Gaya Pembelajaran Pernyataan Lisan/ Penyampaian Lisan	12

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Teori dan Model Gaya Pembelajaran	15
2.2.1	Model Pengajaran dan Pembelajaran Dale (1965)	18
2.2.2	Model Pembelajaran Dominan Kolb (1976)	22
2.2.3	Model Logikal Pembelajaran Ishak dan Rakan (1983)	24
2.2.4	Teori Pembelajaran Gagne (1975)	25
2.2.5	Model Kajian	27

2.3	Kajian-kajian Lepas	29
2.4	Rumusan Kajian Lepas	34

### **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Rekabentuk Kajian	37
3.3	Sampel Kajian	37
3.4	Pembolehubah Kajian	38
	3.4.1 Pembolehubah Bersandar	39
	3.4.2 Pembolehubah Tak Bersandar	39
3.5	Instrumen Kajian	40
	3.5.1 Prosedur Ujian	44
3.6	Kaedah Penganalisan Data	45
	3.6.1 Analisis Kecenderungan	45
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan	47
3.8	Kajian Rintis	47
3.9	Kronologi Kajian	48

### **BAB IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis Bahagian A (Demografi Responden)	51
	4.2.1 Jantina	52
	4.2.2 Bangsa	53
	4.2.3 Status	54
	4.2.4 Umur	54
	4.2.5 Kelulusan Akademik Tertinggi	55
	4.2.6 Latarbelakang Pendidikan	56
	4.2.7 Pengalaman Bekerja	57



4.2.8	Majikan	58
4.3	Analisis Bahagian B (Analisis Data dan Perbincangan)	59
4.3.1	Gaya Pembelajaran Keseluruhan Populasi Berdasarkan Kepada Peratusan	60
4.3.2	Gaya Pembelajaran Keseluruhan Populasi Berdasarkan Kepada Purata Min dan Sisihan Piawai	65
4.4	Rumusan	71

## **BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumus Dapatan Kajian	75
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	76
5.4	Cadangan-cadangan	78
5.4.1	Cadangan Kepada Pihak Organisasi	79
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	80
5.5	Kesimpulan	81

<b>BIBLIOGRAFI</b>	82
--------------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	87
-----------------	----



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian kelompok mengikut gaya pembelajaran	41
3.2	Contoh instrumen yang digunakan untuk melihat tindakbalas gaya pembelajaran pelajar	43
3.3	Maksud bagi setiap kategori gaya pembelajaran	44
3.4	Item-item soal selidik yang mewakili setiap gaya pembelajaran	45
3.5	Tahap kecenderungan dan skor	46
3.6	Kronologi Projek Sarjana 1	48
3.7	Kronologi Projek Sarjana 2	49
4.1	Taburan responden berdasarkan jantina	52
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	53
4.3	Taburan responden mengikut status	54
4.4	Taburan responden mengikut umur	54
4.5	Taburan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	55
4.6	Taburan responden mengikut latarbelakang pendidikan	56
4.7	Taburan responden mengikut pengalaman bekerja	57
4.8	Taburan responden mengikut majikan	58
4.9	Profil gaya pembelajaran keseluruhan responden secara peratusan, min dan sisihan piawai	63
4.10	Rumus profil gaya pembelajaran mengikut kelompok populasi keseluruhan (purata)	65
4.11	Kesimpulan dapatan analisis gaya pembelajaran keseluruhan populasi	72

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model pengajaran dan pembelajaran Dale (1965)	19
2.2	Model pembelajaran Dominan Kolb (1976)	22
2.3	Model logikal pembelajaran Ishak dan rakan (1983)	24
2.4	Teori pembelajaran Gagne (1975)	25
2.5	Model kajian	28
3.1	Kerangka konseptual kajian gaya pembelajaran	38
4.1	Peratus responden mengikut jantina	52
4.2	Peratus responden mengikut bangsa	53
4.3	Peratus responden mengikut umur	55
4.4	Peratus responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	56
4.5	Peratus responden mengikut latarbelakang pendidikan	57
4.6	Peratus responden mengikut pengalaman bekerja	58
4.7	Peratus responden mengikut majikan	59
4.8	Rumus profil gaya pembelajaran mengikut kelompok populasi keseluruhan (purata)	66



UNIVERSITI TUNJUNGU AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

POLISAS	-	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
LSI	-	Learning Style Instrument
BTP	-	Bahasa Tertulis/ Pandang
ATP	-	Angka Tertulis/ Pandang
BLD	-	Bahasa Lisan/ Dengar
ALD	-	Angka Lisan/ Dengar
DPK	-	Dengar/ Pandang/ Kinestetik
BB	-	Belajar Bersendirian
BK	-	Belajar Berkumpulan
PTPL	-	Pernyataan Tertulis/ Penyampaian Lisan
PLPL	-	Pernyataan Lisan/ Penyampaian Lisan



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	87



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Salah satu aspek dalam pendidikan ialah kualiti kecemerlangan akademik. Kualiti kecemerlangan akademik pelajar-pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia bergantung kepada beberapa faktor penting yang menjadi penentuan pencapaian pelajar. Di antara faktor penting yang mempengaruhi pencapaian pelajar ialah gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran yang diamalkan oleh para guru atau pensyarah. Kebolehan guru atau pensyarah mengajar dengan pelbagai kaedah biasanya akan berjaya menarik minat para pelajar untuk terus mendalami sesuatu matapelajaran. Sebagai seorang pensyarah terlatih, mereka biasanya menggunakan segala pengetahuan dan pengalaman untuk mengajar secara berkesan.

Pelajar-pelajar yang lulus dengan baik dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pengajian tinggi dalam bidang pengkhususan masing-masing. Para pelajar ini semestinya dapat mengikuti dan memahami serta belajar dengan penuh minat mengikut bidang pengkhususan pilihan masing-masing berdasarkan kurikulum tertentu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi menjayakan hasrat tersebut, para pelajar perlulah mengenalpasti dan menyesuaikan diri mereka dengan gaya pembelajarannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Sehubungan itu, pensyarah pelatih juga perlu dibekalkan kemahiran mengenal pasti gaya pembelajaran dan juga kaedah hendak menyesuaikan pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar. Ini bertujuan untuk memperkembangkan potensi akademik pelajar secara maksimum. Jika gaya pembelajaran pelajar menjadi penghalang kepada merealisasikan potensi mereka secara optimum, maka pensyarah perlu juga dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengatasi masalah tersebut.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dalam aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek. Aspek intelek menekankan kecermelangan dalam bidang akademik. Proses pengajaran dan pembelajaran adalah teras kepada pendidikan. Ini merupakan satu proses yang dinamik di mana ia melibatkan interaksi di antara pensyarah, pelajar dan kurikulum.

Apabila membicarakan tentang ilmu, ada satu perumpamaan yang sering menjadi sebutan iaitu “ Tuntutlah ilmu sehingga ke negeri China ”. Matlamat pendidikan negara kita juga menggariskan ilmu pengetahuan di tempat kedua dalam usaha negara untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sempurna ( Mok Soon Sang, 1996 ). Justeru itu ilmu pengetahuan merupakan perkara yang paling penting dan cukup berharga dalam menentukan kejayaan seseorang dan negara khususnya.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Knight (1990) telah menjalankan satu kajian tentang kesan terima suai gaya pembelajaran terhadap pencapaian pelajar. Kajian ini dijalankan terhadap dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan percubaan dengan penyesuaian kepada persekitaran gaya pembelajaran yang mereka gemari dan kumpulan kawalan ( *control group* ) tanpa

penyesuaian. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar dalam kumpulan kawalan menerima gred yang lebih tinggi secara signifikan dalam mata pelajaran matematik dan bahasa. Dapatan ini menimbulkan satu persoalan yang serius mengenai keberkesanan usaha menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar dengan menggunakan mod pengajaran yang digunakan. Ini merupakan satu dapatan yang bercanggah.

Para pensyarah selalunya cuba untuk memberi pemahaman yang secukupnya kepada para pelajar dalam usaha untuk mencapai matlamat pendidikan. Pelbagai kaedah yang digunakan untuk tujuan pengajaran, bergantung kepada tahap pemahaman pelajar dan latar belakang mereka. Banyak kajian dan soal selidik telah dijalankan yang mana ia bukan sahaja untuk kegunaan para pensyarah tetapi turut melibatkan pelajar. Daripada kajian-kajian tersebut lahirlah beberapa gaya atau kaedah yang difikirkan cukup berkesan kepada para pelajar dalam meningkatkan tahap pemahaman dan prestasi pencapaian mereka.

Personaliti selalunya memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang digemari oleh seseorang pelajar ( Ee Ah Meng, 1999 ). Setiap orang mempunyai kecenderungan dalam melakukan sesuatu dengan gaya yang tersendiri dan ianya tidak terkecuali dalam proses pembelajaran. Terdapat pelbagai gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para pelajar dalam usaha untuk mendapatkan pencapaian yang memberangsangkan seperti melalui bacaan, pemerhatian, perbincangan ataupun perlakuan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini akan memfokuskan kepada pelajar dan proses pembelajaran yang dialami oleh mereka. Proses ini melibatkan dua aspek iaitu bagaimana pelajar menerima maklumat, memperolehi kemahiran, menghayati nilai dan seterusnya menghasilkan ilmu



yang akan menjadikannya sebagai seorang yang berpendidikan. Keduanya adalah memfokuskan kepada cara pelajar itu dapat menyampaikan maklumat sebagai maklum balas dari apa yang telah dipelajarinya. Kedua-dua ini amatlah berkaitan dengan gaya pembelajaran pelajar.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Nagendralingam (1996), bidang gaya pembelajaran ini boleh dihuraikan seperti berikut :

### 1.3.1 Cara Belajar

- i. Belajar secara bersendirian
- ii. Belajar secara berkumpulan

### 1.3.2 Saluran pembelajaran

- i. Dengan menerima maklumat
  - a. Bahasa tertulis/pandang
  - b. Angka tertulis/pandang
  - c. Bahasa lisan/dengar
  - d. Angka lisan/dengar
  - e. Dengar/pandang/kinestetik
- ii. Cara menyampaikan maklumat/berinteraksi
  - a. Pernyataan tertulis/penyampaian lisan
  - b. Pernyataan lisan/penyampaian lisan

Persoalannya ialah sejauh manakah keberkesanan gaya pembelajaran pelajar yang diamalkan oleh penuntut institut atau maktab. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat pola gaya pembelajaran pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan, Pahang. Apakah gaya pembelajaran yang paling disukai dan sebaliknya. Dapatan kajian ini diharapkan dapat diguna pakai untuk

mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di POLISAS dan institusi-institusi lain serta dijadikan rujukan bagi pihak-pihak yang ingin menjalankan program motivasi.

#### 1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah :

- i) Untuk mengenalpasti kecenderungan gaya pembelajaran pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dalam mengumpul dan menerima maklumat pembelajaran.
- ii) Untuk mengetahui kecenderungan gaya pembelajaran pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah sama ada mereka lebih gemar mengamalkan kaedah gaya pembelajaran secara bersendirian atau berkumpulan.
- iii) Untuk mengetahui kemampuan pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dalam menguasai gaya pembelajaran secara pernyataan bertulis berbanding dengan gaya pembelajaran secara pernyataan lisan.

### 1.5 Persoalan Kajian

- i) Persoalan yang timbul di sini ialah apakah kecenderungan gaya pembelajaran pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dalam mengumpul dan menerima maklumat pembelajaran?
- ii) Selain itu, adakah pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah lebih gemar mengamalkan kaedah gaya pembelajaran secara bersendirian atau berkumpulan. Adakah mereka gemar bekerja di dalam satu kumpulan apabila melakukan sesuatu tugas atau lebih suka melakukannya secara individu?
- iii) Adakah pelajar-pelajar ini berkemampuan menguasai gaya pembelajaran secara pernyataan bertulis berbanding dengan gaya pembelajaran secara pernyataan lisan? Kajian ini juga ingin mengetahui sama ada pelajar-pelajar ini berkeupayaan memberi jawapan, memberi penerangan, membuat laporan dan bercerita dengan lebih berkesan melalui kaedah bertulis berbanding kaedah lisan.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Dengan membuat kajian terhadap gaya pembelajaran pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, penyelidik berkeyakinan dapat memperoleh dan menganalisis setiap permasalahan yang ditimbulkan. Hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan asas untuk menilai

keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta merapatkan perbezaan pencapaian akademik.

Adalah menjadi harapan penyelidik agar data dan maklumat yang diperolehi dari kajian yang dijalankan ini akan dijadikan asas pertimbangan untuk :

- i. Membantu para guru atau pensyarah mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar, di mana ianya dapat mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar-pelajar semester tiga tahun 2002 kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.
- ii. Membantu para pensyarah menggunakan gaya pembelajaran pelajar untuk disesuaikan dengan strategi pelaksanaan pengajarannya.
- iii. Membantu para pensyarah Maktab atau Institusi Perguruan di Malaysia bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada pensyarah atau guru pelatih Diploma Pendidikan, Kursus Lepas Ijazah/Diploma dan Kursus Diploma Perguruan Khas.
- iv. Membantu para pelajar mengatasi masalah pembelajaran mereka dan sebagai panduan serta pedoman kepada pelajar-pelajar lain untuk mencapai kecemerlangan akademik.
- v. Memberi maklum balas hasil tinjauan ini kepada pihak Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah atau Jabatan Perdagangan bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian para pelajar Akauntansi.
- vi. Dijadikan rujukan bagi pihak-pihak yang ingin menjalankan program motivasi.

## 1.7 Batasan Kajian

Dalam membuat kajian ini, batasan kajiannya adalah seperti berikut :

- i) Kajian ini hanya menumpukan perhatian terhadap gaya pembelajaran para pelajar semester tiga kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah tahun 2002 sahaja.
- ii) Pengukuran gaya pembelajaran adalah berdasarkan soal selidik yang diubahsuaikan daripada *Learning Style Questionnaires* oleh B. Albert dan Rakan ( 1975). Komponen yang diukur adalah terdiri dari bahasa tertulis/pandang, angka tertulis/pandang, bahasa lisan/dengar, angka lisan/dengar, dengar/pandang/kinestetik, belajar bersendirian , belajar berkumpulan, pernyataan tertulis/penyampaian lisan dan pernyataan lisan/penyampaian lisan (Ghiam dan rakan, 1996).

## 1.8 Definisi Istilah

Dalam kajian ini pelbagai istilah yang perlu diperjelaskan iaitu :

### 1.8.1 Gaya pembelajaran

- i. Menurut Dunn dan Dunn (1981) dalam Ee Ah Meng (1999) gaya pembelajaran merujuk kepada cara individu bertindak balas terhadap dunia di sekitarnya terutamanya dalam usaha untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam dalam proses pembelajaran.

- ii. Dunn dan Dunn (1981) dalam Ee Ah Meng (1997) juga menyatakan gaya pembelajaran merujuk kepada cara bagaimana elemen-elemen dari lima rangsangan asas iaitu rangsangan persekitaran, rangsangan emosi, rangsangan sosiologi, rangsangan fisiologi dan rangsangan psikologi mempengaruhi keupayaan seseorang untuk memahami dan berinteraksi serta bertindak balas kepada persekitaran pembelajaran.
- iii. Menurut Dunn (1980), gaya pembelajaran ialah cara seorang pelajar mengumpul maklumat, memproses data dan mengekalkannya dalam otak. Ia banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran, emosi dan pengaruh sosial. Hasil dari proses tersebut satu situasi pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan bagi seorang pelajar tetapi tidak kepada pelajar yang lain. Oleh itu proses memadankan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar dengan kaedah pengajaran guru menjadi sangat penting dalam proses pembelajaran.
- iv. Ringkasnya gaya pembelajaran ialah cara seseorang individu itu belajar dengan tujuan memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap positif.

### **1.8.2 Pelajar Diploma Akauntansi Semester Tiga**

Pelajar Diploma Akauntansi semester tiga ialah para pelajar dalam tahun dua yang mengikuti pengkhususan dalam bidang perdagangan bagi sesi 2001/2002 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang.

### 1.8.3 POLISAS

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah yang terletak di Kuantan, Pahang.

## 1.9 Definisi Operational

Menurut Honey et al. (1986), Abd. Rahim (1995), Ghiam (1996), gaya pembelajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada sembilan kategori berikut :

### 1.9.1 Gaya pembelajaran bahasa tertulis/pandang

Pemahaman dan pencarian maklumat yang lebih berkesan melalui pembacaan.

### 1.9.2 Gaya pembelajaran angka tertulis/pandang

Pemahaman dan penyelesaian masalah matematik yang lebih berkesan melalui graf dan carta angka-angka.

### 1.9.3 Gaya pembelajaran bahasa lisan/dengar

Pemahaman yang lebih berkesan melalui arahan dan penerangan lisan, berbanding yang tertulis.

#### **1.9.4 Gaya pembelajaran angka lisan/dengar**

Kebolehan menyelesaikan masalah matematik secara mental dan pemahaman konsep-konsep Matematik yang lebih berkesan melalui penerangan lisan.

#### **1.9.5 Gaya pembelajaran dengar/pandang/kinestetik**

Mengamalkan gaya belajar dengan lebih berkesan melalui pengalaman, iaitu kombinasi penglihatan, pendengaran dan rangsangan dan kemudian melibatkan diri secara fizikal dalam pembelajarannya.

#### **1.9.6 Gaya pembelajaran belajar bersendirian**

Pembelajaran yang lebih berkesan apabila belajar seorang diri.

#### **1.9.7 Gaya pembelajaran belajar berkumpulan**

Pembelajaran yang lebih berkesan apabila belajar dalam kumpulan, mendapatkan pandangan orang lain dan menolong orang lain memahami sesuatu masalah.





## BIBLIOGRAFI

Abd. Rahim dan rakan (1995). "Kajian Gaya Belajar Kumpulan Pelajar KPLI Sesi 1994/1995 di Institut Tanjung Malim Perak." dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lulusan Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.

Barbe, W.B & Milone, M.N (1981). "What We Know About Modality Strength ." *Journal of Educational Leadership*. No. 38. 378 – 380.

Bowles, A.K (1992). "An Examination of The Differences In Teaching Style Preferred By Traditional Students & Adults At Sparthanburg Methodist College (South Carolina)." University of South Carolina: Dactoral Dissertation.

Dale, E. (1965). "Method of Teaching." New York : Holt Rinehirt & Winston.

Dunn (1981). dlm. Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I : Psikologi Perkembangan (Semester 1)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd. 184 – 185.

Dunn, R. (1990). "Answer Ouestionions on Learning Styles." *Journal of Educational Leadership*. Vol. 481. No. 2. 15 – 119.

Dunn, R. (1980). "Learning : A Matter of Styles." *Journal of Educational Leadership*. 37. 360 –361.

Dunn, R, K & Prise, (1975). "Learning Style Inventory." Educational Leadership.  
Lawrence, KS: Price System.

Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I : Psikologi Perkembangan (Semester 1)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd. 184 – 185.

Ee Ah Meng (1997). "Psikologi Pendidikan II (Semester II)." Cetakan Ketiga. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd. 177 – 182.

Gagne (1975). dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.

Ghiam dan rakan (1996). "Kajian Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Maktab Perguruan Sri Kota Kuala Lumpur." Program for Innovation, Excellence and Research (PIER). Kuala Lumpur: Jawantankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Maktab Perguruan Seri Kota.

Guild (1994). dlm. Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.

Honey dan Murnford (1986). dlm Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I : Psikologi Perkembangan (Semester 1)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd. 190 – 191.

Ishak & Koh (1983). "Amalan Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.

- Jackson, et al. (1994). "Learning Style Preferences of Low and High Achieving Young African." Paper presented at the Mid Educational Research Ass. Nashville, TN. Nov. 9-11.
- Jeff, King (1995). "Learning Styles and Absenteeism: Is there a connection?" *Journal of The Freshman Year Experience*. Vol. 7. No. 1. 67 – 82.
- Knight (1990). "Kesan Terima Suai Gaya Belajar Terhadap Pencapaian Pelajar." dlm. Dr. Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.
- Kolb, D.A. (1976). "The Learning Styles Inventory." Boston MA : Mc Ber and Company.
- Mala Bt Kadar (1999). "Gaya Pembelajaran Pelajar-Pelajar Semester Tiga Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di ITTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Master.
- Md Yusof Hj. Arshad (1991). "Belajar Untuk Berjaya." Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Melton, C.D. (1990). "Bridging The Cultural Gap : A Study of Chinese Student Learning Style Preference." *RECL Journal*, Vol. 21. No. 1. 29 – 58.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.

Mok Soon Sang (1996). "Asas Pendidikan 1 : Sekolah dan Bilik Darjah." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur : Pusat Dokumentasi.

O'Brien, L and Terrence (1989). "Learning Styles : Make The Student Aware." dlm. Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.

Omardin Ashaari (1999). "Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

O'Neil (1990) "Gaya Pembelajaran Individu." dlm. Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.

Orsak, L. (1990) "Learning Style Versus The Rip Van Winkle Syndrome." *Journal of Educational Leadership*. Vol. 48. No. 2. 19 – 21.

Perrin J. (1990). "The Learning Style Project for Potential Drop Out." *Journal of Educational Leadership*. Vol. 48. No. 2. 23 – 24.

Reid J.M. (1987). "The Learning preference of ESL Student." *TESOL Quarterly*. Vol. 21. No.1. 87 – 111.

Rothschild, Jacqueline dan William E.P. (1994). "Intercorrelates of Post Secondary Students' Learning Styles and Personality Traits." *Community College Journal of Research and Practice*. Vol. 18. No. 2. 177 – 188.

Samat (1995). "Teknik Sumbang Saran Dalam Pengajaran Bahasa Melayu." dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.

Sharina Sheridan (1989). "Anda Boleh Berjaya." Kuala Lumpur: Amas Printers Sdn Bhd.

Wiseman, D.C (1999). "Research Strategies for Education." New York: Wadsworth.



PTIA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH